



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/62 Jld. 4 (12)
Tarikh : 12 September 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN SATU KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W26 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN NEGERI SEMBILAN

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian satu kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W26 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 **Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 pada 31 Disember 2009 dan sebelum (tidak hilang keananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred W22 berubah ke tarikh 1 Januari 2010 dan seterusnya);**
- 2.2 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.3 **Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) tidak kurang 80%;**
- 2.4 **Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);**
- 2.5 **Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;**
- 2.6 **Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;**

2/...

- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 **Tidak bersara wajib** atau **memilih bersara pilihan** dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 12 Oktober 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Mohd Fauzi bin Hashim - 03-8885 4782
fauzi.hashim@jpa.gov.my
- ii. Puan Norsiti Farrah binti Roslan - 03-8885 4147
farrah.roslan@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my